

Perbezaan Negara Baik dan Tidak Baik Menurut Al-Farabi

IDRIS ZAKARIA

ABSTRAK

Rencana ini membahaskan tentang falsafah politik Abu Nasr al-Farabi (257–339/890–950) Bermula dengan sedikit pengenalan tentang riwayat hidup al-Farabi diikuti oleh teori beliau mengenai konsep dan struktur negara terbaik dan negara-negara yang bertentangan dengannya. al-Farabi mengulas juga persoalan tujuan hidup rakyat, ciri-ciri Ketua Negara, komposisi rakyat, dan lain-lain yang berkaitan dengannya.

ABSTRACT

This article is designed to discuss the political philosophy of Abu Nasr al-Farabi (257-339/890-950) It begins with an introduction of his life, followed by his theory about the structure of the ideal and the worst (ignorant) state. al-Farabi also analyses the objective of life of the citizens, the characteristic of head of state, nations and other related issues.

PENGENALAN

Al-Farabi atau nama penuhnya Abu Nasr Muhammad bin Muhammad Ibn Tarchan (257–339/870–950) ialah salah seorang ahli falsafah Islam yang terkenal. Beliau yang berketurunan campuran Turki (Ibu) dan Parsi (Bapa) (Hanna al-Fakhuri et al. 1963: 373), adalah tokoh kedua selepas Abu Yusuf Ya'qub Ibn Ishaq al-Kindi (188 260/603–873). Hidupnya selama delapan puluh tahun itu, dapat dikategorikan kepada dua episode, yang ternyata amat jauh berlainan. Pertama, tempoh waktu dan usianya setakat empat puluh tahun dan kemudiannya episode kedua dari empat puluh tahun hingga lapan puluh tahun, iaitu hingga beliau meninggal dunia (Idris Zakaria 1986: 22–27). Seperti juga kanak-kanak Islam yang lain, pengetahuan asas agama Islam didahulukan. Beliau direkodkan sebagai mempelajari ilmu-ilmu Fekah, Hadis, Tafsir al-Qur'an dan juga bahasa Arab (Madkur 1963: 450–468), barangkali kebolehan inilah yang melayakkan beliau kemudiannya dilantik menjadi Qadi (Ibn Abi Usaybi'ah 1965: 604) di tempatnya.

Episode kedua merupakan tahap cemerlang dalam hidup dan keaktifannya dalam dunia ilmu pengetahuan. Akibat dari rasa begitu

tertarik dengan lain-lain ilmu selain dari ilmu-ilmu agama, beliau meletak jawatan Qadi dan seterusnya 'bergelumang' dengan anika jenis ilmu pengetahuan terutamanya yang berasal dari luar wilayah Islam seperti ilmu-ilmu dari Greek, Parsi, India dan lain-lain (Idris Zakaria 1986, 23-37). Beliau mulai memberi perhatian terhadap ilmu-ilmu falsafah, fizik, muzik, astronomi, perubatan, politik, sastera dan sebagainya. Hasil-hasil penulisan ilmiah beliau yang dikatakan berjumlah ratusan itu, (Sharif 1959, 80-81) cukup untuk membuktikan penguasaan beliau dalam ilmu-ilmu yang dipelajari dan sebahagian daripada hasil tulisan beliau boleh didapati hingga kini, terutama dalam bidang falsafah politik.

Kebanyakan ahli sejarah dan sarjana mengakui bahawa al-Farabi adalah seorang ahli falsafah Islam yang paling berminat dalam bidang politik. Kebanyakan hasil tulisannya ditumpukan kepada bidang ini. Bahkan ada di antara mereka yang mengatakan bahawa seluruh binaan falsafah yang dibangunkan olehnya itu diarah kepada politik (Ahmad 1968, 35). Kecenderungan ini diakui oleh Ibrahim Madkur yang mengatakan bahawa al-Farabi adalah ahli falsafah Islam yang paling banyak mencampuri soal-soal politik. Beliau menurut Ibrahim Madkur lagi, banyak membicarakan soal politik i.e. *siyasa* dalam banyak bukunya, dan diselidikinya dengan penuh minat (Madkur 1968, 70-71), al-Fakhuri pula menyebut bahawa politik adalah satu aspek yang penting dalam falsafah al-Farabi, kerana itu banyak daripada jujuk-jujuk dalam disiplin falsafahnya bermatlamat politik (al-Fakhuri 1963, 413-414). Walaupun demikian komitmennya dalam bidang teori politik, beliau sendiri bukanlah seorang tokoh politik yang besar dan terkemuka dalam masyarakatnya. Al-Farabi bukanlah seorang ahli politik penting atau negarawan di zamannya. Beliau tidak pernah aktif secara langsung dalam arena politik apa lagi untuk menyusun suatu fahaman politik yang praktis seperti Ibn Sina.

Penulisan buku politiknya yang popular *Kitab Ara' Ahl al-Madinat al-Fadilah* yang menjadi rujukan di sini telah direkodkan oleh para pengkaji sebagai ada kaitan dengan sejarah yang sedang bergolak di zamannya, walaupun tarikh tepat bila mulanya ia menulis tidaklah dapat dipastikan (Wafi 1964, 569-582). Apa yang dapat dikesan ialah dari sudut tempat ia mula menyusunnya. Ibn Abi Usaybi^cah dalam kitabnya '*Uyun al-Anba*'² menukilkan hal ini sebagai berikut:

“Bahawasanya al-Farabi telah mulakan penulisan *al-Madinat al-Fadilah* ini ketika di Baghdad bersama-sama dengan *al-Madinat al-Jahilah*, *al-Madinat al-Fasiqah*, *al-Madinat al-Mubaddilah* dan *al-Madinat al-Dallah* (iaitu lawan kepada *al-Madinat al-Fadilah*) kemudian ia membawanya bersamanya ke Sham di akhir tahun 330H, dan ianya ditamatkan (penyusunannya) di Damsyik pada tahun

331H, dan kemudiannya baharulah selesai membahagikan fasal dan bab-babnya pada tahun 337H (Ibn Abi Usaybi'ah, 11, 1965, 608).

Berkaitan dengan aspek hubungan falsafahnya dengan realiti sejarah waktu itu, Jamil Saliba memberi pandangan dengan katanya bahawa al-Farabi sesungguhnya telah terpengaruh dengan keadaan hidup sosial pada zamannya sendiri. Realiti ini sukar untuk dinafikan kerana segala pergolakan politik yang berlaku itu telah dialaminya sendiri. Ia melihat kepincangan-kepincangan dalam negara seperti pentadbiran, rampasan kuasa, perbuatan fitnah-memfitnah seterusnya pembunuhan dan peperangan hingga menyebabkan struktur pemerintahan negara menjadi lemah. Begitu juga kesannya terhadap kekuasaan. 'Dawlah' yang besar akhirnya telah berpecah kepada beberapa wilayah yang kecil dan dikepalai oleh seorang penguasa bertaraf *al-Malik* atau *al-Amir* (Saliba 1973, 135–200). Dan beliau sebagai seorang tokoh yang cintakan kesempurnaan dan kebahagiaan, tidak dapat menyetujui suasana dan pergolakan seperti itu berterusan. Beliau dalam hal ini bertindak memberikan jalan penyelesaian dengan cara mengemukakan buah fikirannya sendiri iaitu isi kitabnya *al-Madinat al-Fadilah* ini, semata-mata untuk dijadikan model atau contoh teladan yang paling baik bagi menyusun semula pemerintahan dan struktur sosial sekaligus hal ehwal hidupnya. Inilah sumbangan beliau yang boleh disifatkan sebagai usaha terpuji ke arah kesempurnaan serta kebahagiaan masyarakat dan negara.

Hakikat ini mempunyai kebenarannya sendiri. Terdapat para Sarjana yang menyokong realiti ini. Ibrahim Madkur dalam suatu tulisannya menyebut:

“Influenced by his political and social environment, al-Farabi has stressed the theoretical study of his society and its needs. He has written several treatises on politics, the most renowned of which is his “Model City” (Madkur 1963, 463).

PERBEZAAN ANTARA NEGARA TERBAIK DAN TIDAK BAIK

Idealisma politik al-Farabi dirakamkan dalam pelbagai tulisan terutamanya dalam dua buku politiknya yang terkenal iaitu *al-Siyasat al-Madaniyyah* dan *al-Madinat al-Fadilah*. Dalam karya-karya ini, beliau menekankan perlunya kepada pembentukan sebuah Negara Terbaik. Dari segi struktur, pentadbiran Negara Terbaik disebutkan oleh beliau sebagai menyamai struktur tubuh badan manusia (al-Farabi, 1968, 118) di mana Hati – *al-Qalb* – katanya adalah 'ketua' bagi seluruh anggota tubuh badan (Saeed Sheikh 1982, 66). Anggota tubuh itu pula semuanya bersikap tolong-menolong dan bekerjasama sesama mereka dan dengan

Ketua Negara untuk menyempurnakan kehidupan. Setiap anggota memiliki kebolehan dan kekuatan tersendiri. Apabila tubuh badan berada di dalam keadaan sihat, maka seluruh anggota tadi dapat bekerja bersama-sama untuk mencapai kesempurnaan kehidupan, dan urusan penting ini ditadbirkan oleh anggota yang menjadi ketua iaitu 'Hati' (al-Qalb). Hubungan ketua ini dengan anggota-anggota lain berjalan tanpa perantaraan.

Demikian halnya dengan Negara Terbaik yang menjadi idaman al-Farabi itu. Ummahnya mempunyai fitrah semulajadi yang berlainan seperti anggota-anggota tubuh badan di atas. Mereka bekerja menurut kebolehan masing-masing untuk menghasilkan sesuatu bagi kehidupan mereka sendiri. Dan dalam negara ini terdapat seorang insan sempurna (*insan al-kamil*), dan dialah yang sebenarnya kepala atau ketua yang dimaksudkan itu. Semua lapisan *ummah* mempunyai hubungan yang rapat dengan Ketua Negara itu. Sementara fungsi utamanya ialah memimpin *ummah* dan mentadbir urusan negara. Setiap rakyat pula akan menjalankan tugas masing-masing menurut kebolehan yang mereka miliki di samping membantu Ketua Negara berkenaan. Tentang kualiti Ketua Negara i.e. kepimpinan yang dimaksudkan, akan diterangkan kemudian.

Struktur ini juga membayangkan bahawa dalam teori beliau susah senang *ummah* adalah ditanggung bersama. Penderitaan akibat kesakitan atau kesulitan oleh seorang anggota, haruslah menjadi penderitaan seluruh anggota masyarakat dan seterusnya *ummah* itu sendiri. Demikianlah sebaliknya jika kesenangan, kebahagiaan dan kesejahteraan yang dinikmati oleh seseorang ahli masyarakat, maka suasana ini juga harus dirasakan oleh semua anggota *ummah*. Sama seperti anggota badan tadi. Jika kaki yang sakit maka seluruh tubuh badan akan sama-sama merasai penderitannya. Maka ini juga bermakna mereka semua bertanggungjawab dalam usaha mencari kesempurnaan hidup. Teori beliau lebih menekankan tentang kekemasan struktur organisasi dan fungsi kolektif *ummah*.

Matlamat Negara Terbaik

Di antara tanggapan awal yang mungkin terbayang di fikiran kita dan para pembaca kitab beliau terutamanya *al-Madinah al-Fadilah* itu ialah soalan apakah sebenarnya tujuan dan objektif yang mahu dicapai oleh al-Farabi hingga menggerakkannya menyusun kitab berkenaan? Atau dengan lain perkataan apakah matlamat yang mahu didapatkan dari gagasan Negara Terbaik itu? Perbincangan tentang tujuan Negara ini adalah suatu perbincangan tentang idea gagasan Negara Terbaik tersebut. Dalam hubungan ini umum mengetahui bahawa apa juga

bentuk negara yang dibangunkan dan atas ideologi apa sekalipun harus mempunyai tujuan. al-Farabi dalam perkara ini merakamkan bahawa setiap ummah haruslah mempunyai ideologi yang beliau sebutkan dengan istilah *Ara'* bagi menjamin tercapainya tujuan dan cita-cita yang dikehendaki itu. Dan ianya meminta pengorbanan individu serta jama'ah dalam bentuk yang berterusan.

Abbas Mahmud, seorang sarjana yang melihat persoalan ini menyebut bahawa al-Farabi mahukan Negara Terbaik itu dapat memberikan kebahagiaan yang kekal abadi kepada ummahnya dan untuk dua dunia, iaitu dunia ini dan akhirat. (Mahmud 1944, 128). Negara mesti dapat menentukan situasi kehidupan yang baik ummah semasa di dunia dan juga di akhirat. Sebagai usahanya untuk membuat reformasi dalam struktur kemasyarakatan dan keagamaan, maka kesempurnaan dan kebahagiaan menjadi '*target*' beliau, walaupun ia sendiri bukanlah seorang reformis! (Rosenthal 1968, 124). Inilah yang beliau mahu dapatkan dari negara idamannya itu.

'Kebahagiaan' adalah salah satu dari *virtue* yang sangat diidami oleh manusia. Gagasan ini telah pun dimulakan terlebih dahulu oleh ahli-ahli falsafah Greek seperti Plato dan Aristotle. al-Farabi menerima hakikat ini. Dalam kitabnya *al-Madinat al-Fadilah* khasnya di bawah tajuk '*al-Qawl fi al-Farq Bayna al-Iradah wa al-Ikhtiyar wafī al-Sa'adah*' (Perbincangan mengenai perbezaan antara kemahuan dan ikhtiar serta kebahagiaan) al-Farabi telah menerangkan mengenai kebahagiaan yang beliau maksudkan itu sebagai berikut:

"Kebahagiaan (al-Sa'adah) adalah sesuatu yang terbaik yang dituntut oleh setiap manusia kerana kebahagiaan itu sendiri. Tidak ada selain darinya lagi untuk dicapai oleh manusia sepanjang masa dan juga tidak ada sesuatu di belakangnya (yang mahu dicapai oleh manusia) terlebih besar dari kebahagiaan itu sendiri" (al-Farabi 1968, 105)

Seterusnya beliau menyebut tentang sikap manusia untuk mencapai kebahagiaan.

"Perbuatan-perbuatan Iradiyah (sadar atau dirancang) yang bermanfaat untuk mencapai kebahagiaan adalah perbuatan-perbuatan yang elok/baik. Tingkahlaku dan bakat yang melahirkan perbuatan-perbuatan berkenaan adalah terbaik/terpuji (*al-Fada'il*). Dan semua kebaikan-kebaikan itu bukanlah kerana *zat-zatnya*, tetapi sebenarnya adalah kerana kebahagiaan itu sendiri. Perbuatan-perbuatan yang menghalang tercapainya kebahagiaan itu adalah perbuatan-perbuatan yang buruk (*al-Af' al al-Qabihah*). Sementara tingkahlaku serta bakat yang darinya lahir perbuatan-perbuatan ini adalah kekurangan (*al-Naqais*), hina (*al-Raza'il*) dan keji (*al-Khasa'is*). (al-Farabi 1968, 105).

Berpandukan kepada keterangan beliau itu, nampaknya ada penyelarasan antara tujuan semulajadi hidup manusia dengan tujuan yang mahu didapatkan dari pembentukan negara. Manusia pada amnya 'wajib' mempunyai tujuan hidup tertentu yang tertanam di sanubarinya. Tujuan hidup ini sekaligus menjadi daya penggerak kepada manusia itu untuk membina kehidupannya. Tujuan hidup itu juga tidak akan tercapai tanpa niat yang suci dan ikhlas dipraktikkan dalam pekerjaan. Al-Farabi berkecenderungan menekankan bahawa tujuan sebenar hidup manusia itu ialah untuk mengecap kebahagiaan. Dan kebahagiaan itu pula meliputi jasmani dan rohani, lahir dan batin, *mundane and celestial*. Jelasnya untuk dunia ini dan akhirat. Negara Terbaik itu dalam teori beliau adalah *wasilah* atau perantaraan untuk pencapaian kesempurnaan tersebut.

Selanjutnya beliau terus menerangkan beberapa perkara lagi yang bersangkutan dengan kebahagiaan dan proses untuk mendapatkannya. Ini tidak dijelaskan secara terperinci di sini. Kepada al-Farabi, seperti yang diterangkan di atas, kebahagiaan itu adalah suatu kebaikan tertinggi yang mahu dicapai oleh manusia secara mutlak. Soal ini juga ada ditekankannya dalam kitabnya yang lain seperti *al-Siyasat al-Madaniyyah*. (al-Farabi t.t. 72) Sementara syarat dalam proses hendak memperolehinya, mereka yakni *ummah*, perlu mengetahui apakah dia hakikat sebenar kebahagiaan itu kemudian mereka perlu juga mengetahui apakah faktor-faktor yang boleh membawa kepada tercapainya kebahagiaan tersebut.

Oleh itu kelihatan di sini antara kriteria-kriteria utama negara yang baik dalam teori beliau ialah wujudnya suatu mekanisma kepimpinan yang tinggi kualiti dan cemerlang serta organisasi pentadbiran yang kemas serta berkesan dan objektif mulia kewujudan negara. Ini bermakna mana-mana negara atau negeri yang tidak ada struktur, objektif dan organisasi seperti ini, maka menurut al-Farabi negara berkenaan tidak akan mampu memberi kebahagiaan kepada *ummahnya*. Inilah hakikat yang wujud dalam kategori negara-negara yang tidak ideal menurut teori beliau. Struktur kepimpinan, akhlak, komitmen rakyat dan objektif hidup mereka tidak setepat apa yang diperjuangkan dalam negara-negara yang ideal.

Di bawah ini diperturunkan secara ringkas pengenalan ideologi negara-negara tidak baik itu menurut persepsi al-Farabi:

- (i) *al-Madinat al-Jahilah* (Negara Bodoh) (al-Farabi 1968, 131–136)

Antara ciri-cirinya ialah bahawa rakyatnya tidak mengetahui kebahagiaan dan tidak terlintas pun tentang hal itu di hati mereka. Walaupun kebahagiaan itu ditunjukkan atau diterangkan kepada mereka, namun

mereka tidak juga memahaminya apatah lagi untuk mempercayainya. Sebaliknya apa yang mereka tahu sebagai baik (*khayrat*) adalah tidak lain hanyalah perkara-perkara yang pada zahirnya ternampak baik, lalu diyakini bahawa itulah objektif asas hidup mereka; ini termasuklah sihat tubuh badan, cukup harta dan menikmati kesenangan dan kelazatan. Dengan itu setiap orang akan menjadi mulia dan agung. Inilah konsep kebahagiaan bagi mereka. Akibatnya menurut al-Farabi ialah kesengsaraan, kemusnahan bagi tubuh badan, jatuh miskin dan tidak dilimpahi dengan kelazatan lagi dan juga tidak mulia. Sebagai negara yang rakyatnya tidak mengerti atau memahami kebahagiaan, tentulah mereka itu memiliki ideologi yang salah. (al-Farabi 1968, 131–136).

(ii) Negara Fasiq (*al-Madinat al-Fasiqah*)

Pada asalnya, rakyatnya itu adalah serupa dengan penduduk Negara Terbaik, iaitu mereka mengetahui akan kebahagiaan, Allah 'Azzawajalla, Malaikat. Tetapi masalahnya ialah apa yang dilakukan dalam hidup mereka adalah berlainan dari pengetahuan asal yang baik itu. Maksudnya mereka beramal seumpama perbuatan-perbuatan rakyat negara Jahil di atas.

(iii) Negara Menyeleweng (*al-Madinat al-Mubaddilah*)

Pemikiran dan tindakan rakyat negara ini pada asalnya adalah serupa dengan pemikiran dan laku-perbuatan penduduk Negara Terbaik di atas. Tetapi apa yang berlaku pada akhirnya ialah perubahan pada pemikiran dan amalan yang tidak lagi seperti rakyat Negara Terbaik. Hal ini tergambar dari namanya sendiri: *al-Mubaddilah* yang bererti menyeleweng.

(iv) Negara Sesat (*al-Madinat al-Dallah*)

Rakyat negara ini juga pada asasnya memahami erti dan hakikat kebahagiaan, Allah dan juga Malaikat seperti penduduk Negara Terbaik, tetapi pengetahuan ini tidak memberi kesan terhadap kepercayaan mereka. Justeru itu mereka menukar pendirian tersebut. Mereka berfikir bahawa apa yang mereka tahu tentang Allah, Kebahagiaan dan juga Malaikat adalah benar. Pemimpinnya pula mendakwa sebagai orang yang telah mendapat *wahyu* tetapi sebenarnya ia telah berbohong. Ia menipu rakyat. Mereka tidak akan mencapai kebahagiaan hakiki selagi fahaman dan tindakan mereka masih dalam kesesatan serta pimpinan yang sesat. (Farabi 1968, 132).

Inilah lima bentuk negara yang dikategorikan oleh al-Farabi sebagai Negara-negara Tidak Baik. Berbanding dengan Negara Terbaik, negara-

negara ini tidak mendukung kebahagiaan hakiki untuk kehidupan dunia dan akhirat, dan para pemimpin mereka pula tidak memiliki kualiti kepimpinan yang tinggi.

Al-Farabi juga menolak sifat individualistik. Fahaman ini terus menjawai lain-lain teori beliau termasuk konsep kebahagiaan ini. Beliau tidak berhasrat untuk memperjuangkan kebahagiaan individu perseorangan di dalam negara, tetapi adalah kebahagiaan bersama yang dinikmati bersama hasil usaha secara kolektif. Kerana itu sikap *ta'awun* (kerjasama) sangat ditekankan.

Kerjasama

Gagasan *Ta'awun* atau bertolong-tolongan oleh al-Farabi merupakan antara gagasan politik beliau bagi mencapai tujuan hidup sosial dan tujuan bernegara. Dari segi operasi teori, beliau telah menggariskan kepada dua paksi iaitu (a) Paksi vertikal – rakyat kepada Ketua Negara dan sebaliknya dan (b) Paksi horizontal yakni antara rakyat dengan rakyat. Ketua itu adalah seperti kedudukan, taraf dan fungsi hati dan jantung (fizikal) manusia seperti yang telah dihurai di atas. Dari hati juga keluar segala keinginan, kemarahan dan lain-lain. Atau secara fizikal, dari jantung berlaku proses pengaliran darah di dalam badan. Anggota-anggota lain mendapat bekalan darah dan seterusnya berlaku pusingan semula. Inilah tabiat tugas jantung tadi. Anggota-anggota lain di badan mendapat bekalan darah yang cukup. Dan dalam gerak-kerja pun juga berlaku proses seumpama demikian. Kaki, tangan dan lain akan bertugas setelah ada keputusan dari hati dan difikirkan oleh akal-fikiran (intellect). “Kerjasama” yang baik ini akhirnya dapat memenuhi sesuatu maksud dalam hidup. Taat dan patuh rakyat kepada ketua dapat dilihat dalam kiasan ini.

Adapun dalam bentuk horizontal rakyat dengan rakyat pula, beliau secara jelas menyatakan asasnya hingga terbentuk sebuah masyarakat:

“Tiap-tiap seorang beginilah keadaannya, yakni perlu kepada sikap tolong-menolong, jika tidak mereka tidak akan mencapai kesempurnaan. Ini terjadi dengan adanya perhimpunan masyarakat yang saling bantu-membantu dan dengan itu akan terhimpunlah hasil kepada mereka iaitu apa yang mereka hajati untuk mencapai kesempurnaan” (Farabi 1968, 117)

Sikap hidup yang tidak baik seperti individualistik, eksploitasi golongan lemah, suka bergaduhan, zalim, menipu, mementing kehidupan materialistik melampau dan lain-lain seperti yang telah dihurai di atas adalah sifat-sifat *mazmumah* yang boleh menghalang tercapainya nikmat kebahagiaan. Jelaslah di sini menurut skema pemikiran al-Farabi, akhlak atau sifat dan sikap yang baik di samping ilmu pengetahuan,

adalah syarat utama untuk memperolehi kebahagiaan. Asas pemikiran siasah al-Farabi keseluruhannya berpusat di sini. Pemimpin-pemimpin yang berkuasa menurutnya perlu memahami dengan mendalam, objektif ini dan sedia berjuang untuk memperolehinya.

Ummah negara terbaik atau ideal juga disarankan supaya tidak terpengaruh dengan unsur-unsur kebendaan hingga mengatasi keutamaan-keutamaan hidup yang lain. Manusia katanya perlu membersihkan diri dan jiwa mereka daripada pengaruh lahiriah kebendaan yang tidak kekal. Kebahagiaan daripada sumber ini jika diperolehi hanyalah bersifat sementara sahaja. Material sesuai dengan sifatnya, akan musnah. Oleh itu, menurut al-Farabi bahawa selagi ummah tidak dapat membebaskan diri dan jiwa mereka daripada pengaruh ini, maka selagi itulah mereka tidak dapat mencapai kebahagiaan sebenar.

KUALITI KEPIMPINAN

Paradigma pemikiran falsafah politik al-Farabi tertumpu kepada Ketua Negara itu sendiri. Kepada beliau bahagia, maju atau mundur sesebuah negara bergantung kepada kebolehan kepimpinan sebagai tokoh utama negara ini. Inilah yang beliau bicarakan dengan panjang lebar dalam kitabnya yang terakhir iaitu *al-Madinat al-Fadilah* atau yang sebelumnya *al-Siyasat al-Madaniyyah*. Paradigma ini adalah suatu yang biasa bagi para pemikir politik di abad pertengahan. Lebih radikal lagi ialah para juris di mana hal-hal kepimpinan ini dikaitkan dengan hukum-hukum. Rasionalnya penumpuan terhadap tokoh ini dalam teori al-Farabi ini ialah justeru ia memiliki pelbagai kekuatan dan keutamaan baik mental, spiritual dan fizikal walaupun unsur ketiga ini relatifnya serupa dengan orang lain, tetapi unsur pertama dan kedua membezakan beliau dari orang lain. Beliau bukan sahaja lambang kepimpinan yang berkualiti tinggi malah contoh teladan seorang manusia yang mencapai tahap ilmu dan akhlak yang tinggi. Oleh itu apa sahaja yang ia lakukan atau lahir darinya adalah teladan yang unggul. Tidak ada tolok-banding dengan siapa pun dalam negara itu. Justeru itu kepimpinannya tidak memerlukan nasihat dan pertolongan orang sekelilingnya. (Farabi 1968, 125). Ia sendiri sudah mencapai tahap sempurna itu. Ini disebutkan oleh al-Farabi seperti berikut:

كان هذا الإنسان هو الذي يوحى إليه فيكون الله، عز وجل، يوحى إليه
توسط العقل الفعال

Maksudnya:

“Insan ini adalah orang yang diwahyukan kepadanya. Allah Azzawajalla ber Wahyu kepadanya dengan perantaraan akal-fa^cal (Malaikat)”

Di sini penulis tidak berhasrat untuk menjelaskan petikan ini secara detil.

Kemudian sewaktu beliau memperincikan syarat-syarat kelayakan bagi Ketua Negaranya, beliau senaraikan dua belas sifat seperti berikut:

1. Hendaklah sempurna tubuh-badan dan bertenaga atau berkemampuan supaya ia dapat menjalankan tugasnya dengan mudah.
2. Baik kefahamannya serta dapat menggambarkan setiap sesuatu yang ia lafazkan atau ucapkan, serta tahu apa yang harus dibuat.
3. Baik hafalan (ingatan) tentang sesuatu yang ia telah faham, lihat, dengar atau dapat (idrak). Ia juga bukanlah orang yang pelupa.
4. Bijaksana dan cerdik bila mendengar sesuatu. Walaupun dengan reaksi sahaja ia boleh memahami sesuatu perkara.
5. Dapat membuat penjelasan atau huraian yang jelas berhubung dengan sesuatu ibarat.
6. Sangat suka atau berminat kepada ilmu pengetahuan, senang menerima ilmu, tidak merasa penat dalam menimba ilmu pengetahuan.
7. Hendaklah tidak bersikap buruk, lebih-lebih lagi dalam hal mengenai makan minum dan hubungan kelamin, dan menjauhkan diri daripada permainan yang hanya untuk bersuka-sukaan.
8. Memiliki sifat cintakan kebenaran dan orang yang bersifat kebenaran. Bencikan pembbohongan serta orang-orang yang bersifat demikian.
9. Memiliki jiwa yang besar atau berhemat tinggi hingga dapat mengatasi perkara-perkara yang rendah atau remeh-temeh.
10. Tidak berminat untuk mengumpul wang ringgit (dirham wa dinar) dan bentuk-bentuk kekayaan dunia yang lain-lain.
11. Bersikap pro-keadilan dan anti-kezaliman dan penindasan. Tidak mudah dipengaruhi oleh perkara-perkara yang buruk, sebaliknya mudah diseru kepada kebaikan, keadilan dan seumpamanya.
12. Hendaklah mempunyai keazaman yang kuat dan berani terhadap sesuatu hal yang dirasakan perlu dilakukan dan tidak lemah semangat atau jiwa.

Inilah satu senarai mengenai sifat-sifat yang perlu ada seseorang untuk menjadi ketua negara yang sempurna lagi unggul. Al-Farabi nampaknya sangat serius dalam memperkatakan masalah ini. Ini kerana ketua negara adalah suatu institusi yang penting dalam pembentukan, perjalanan dan kemajuan sesebuah negara. Tetapi beliau juga nampaknya menyedari bahawa kualiti yang beliau ajukan itu adalah terlalu unggul kerana memang sukar untuk mendapatkan seorang insan yang terkumpul pada dirinya itu segala sifat tersebut. Justeru itu beliau

mengatakan bahawa sesiapa yang memiliki lima atau enam sahaja daripada dua belas sifat itu sudah dapat disifatkan sebagai ketua negara yang baik. Atas sebab itu, menurutnya lagi, jika ketua negara atau imam atau pemimpin ulung tidak ada, maka ketua negara kedua (al-Ra'is al-thani) yang menurut istilah al-Farabi, "menurut yang pertama" (yakhlufu al-awwal) perlu tampil menjadi pemimpin. Dia juga perlu mempunyai sifat-sifat tertentu, iaitu:

1. Seorang yang arif-bijaksana (hakim)
2. Seorang yang mengerti serta memelihara undang-undang dan peraturan-peraturan yang telah ditadbirkan atau dijalankan oleh para pemimpin terdahulu daripadanya.
3. Orang yang tajam fikirannya, maksudnya mampu berfikir dan mengeluarkan hukum atau ijtihad yang tidak terkeluar daripada undang-undang dan peraturan, dan tidak bersalahan daripada apa yang dibuat oleh para pemimpin terdahulu.
4. Orang yang sentiasa memerhatikan dengan serius akan kepentingan rakyat, urusan dan kejadian yang berlaku serta suka memperbaiki apa yang mempunyai hubungan dengan kepentingan rakyat dan negara.
5. Orang yang mahu mengambil petunjuk (irshad) daripada peraturan-peraturan terdahulu, berpandukan contoh teladan yang telah dilaksanakan oleh para pemimpin terdahulu.
6. Orang yang teguh, kuat dan bertenaga serta sentiasa berwaspada dalam menghadapi soal-soal pertahanan dan peperangan (al-Harb). Dia juga perlu menyediakan alat kelengkapan peperangan yang mencukupi dengan cara membuka perusahaan membuat senjata terutama sekali senjata-senjata yang penting.

Berhubung dengan syarat terakhir itu Rosenthal (1968, 133) berpendapat bahawa adalah sama dengan tugas dan kedudukan khalifah, sama ada pada isinya atau pada peristilahannya. Walaupun begitu menurut sarjana itu lagi, al-Farabi tidak menyentuh masalah jihad. Al-Farabi hanya berbicara tentang pemimpin secara umum, termasuklah hakikat mengenai negara Islam.

Tetapi dalam bahagian yang lain pula menurut Rosenthal, al-Farabi menekankan persoalan mengenai peperangan jihad. Misalnya, dalam *Fusul al-Madam* beliau menjelaskan perkara ini yang mempunyai ikatan dengan tugas-tugas seorang pemimpin Islam. Rosenthal antara lain menyebut bahawa al-Farabi telah mengambil Sayf al-Dawlah sebagai model ketika beliau berbincang mengenai jihad. Sayf al-Dawlah adalah salah seorang khalifah yang banyak terlibat dalam peperangan semasa pemerintahannya, dan al-Farabi pernah tinggal bersamanya.

Apabila melihat konsep kepimpinan begini De Boer langsung mengaitkannya dengan hakikat sosial al-Farabi sendiri: masyarakat Islam. “We come nearer the Muslim political theory of that day” (De Boer 1967, 123).

Kenapakah al-Farabi amat menitikberatkan persoalan kualiti kepimpinan adalah suatu hal yang perlu dihubungkan dengan matlamat kewujudan negara di atas. M. Saeed Sheikh sewaktu mengulas persoalan ini menyebut ia, yakni negara berkenaan, adalah sebagai ‘platform’ bagi *ummah* untuk mengecap kebahagiaan. Jiwa *ummah* dalam suasana negara ini akan dapat menikmati keseronokan terutamanya di alam akhirat. (Saeed Sheikh 1982, 65) Ini memberi maksud bahawa Ketua Negara atau pemimpin utama perlulah memiliki kualiti tinggi meliputi ilmu, akhlak, keberanian dan lain melebihi taraf rakyat biasa atau para pembantunya.

KOMPOSISI RAKYAT

Menyentuh soal kepelbagaian, kemahiran dan profession rakyat pula, al-Farabi didapati cukup sedar dan realistik membariskan hal-hal tersebut. Rakyat dalam kategori negara terbaik, di samping memiliki kualiti akhlak yang tinggi, bersifat “ta^cwun” dan lain-lain, mereka juga mestilah memiliki pelbagai kemahiran dan profession.

Berhubung dengan masalah ini, penulis dapati al-Farabi tidak pula menjelaskan dengan terang di satu tempat dalam kitabnya *al-Madinat al-Fadilah* itu, sebaliknya di dalam kitab *Fusul al-Madani* ianya dijelaskan satu persatu seperti di bawah ini.

Negara Terbaik mempunyai lima jenis manusia yang baik iaitu:

- (i) Manusia yang terbaik (*excellent*)
- (ii) Ahli-ahli Bahasa (*the linguists*)
- (iii) Ahli-ahli Profesional (*the secluded*)
- (iv) Pejuang (*the struggling*)
- (v) Orang-orang yang tahan lasak/tegap (*the steady*)

Bagi yang (i) iaitu manusia atau penduduk yang terbaik itu terdiri dari:

- (a) Ahli-ahli falsafah
- (b) Cendekiawan
- (c) Orang-orang/ahli fikir dalam masalah-masalah besar

Ahli-ahli Bahasa (ii) pula ialah:

- (a) Jurucakap
- (b) Pemidato-pemidato
- (c) Penyair-penyair
- (d) Ahli Muzik
- (e) Penulis dan seumpamanya

Ahli-ahli Profesional (iii) ialah:

- (a) Ahli-ahli Metamatik
- (b) Ahli-ahli Statistik
- (c) Ahli-ahli Fizik
- (d) Ahli-ahli Astronomi dan lain-lain

Pejuang-pejuang (iv):

- (a) Tentera
- (b) Pengawal Keselamatan
- (c) Dan semua mereka yang bertugas seperti itu

Orang-orang yang tahan lasak atau tetap, pengumpul wang (v):

- (a) Petani/Peladang
- (b) Pemaga/Pedagang
- (c) Dan mereka yang terlibat dengan pekerjaan-pekerjaan yang lain atau kepentingan lain. (al-Ma^csumi 1963; 715)

Perancangan beliau ini memenuhi kehendak logik kita dan keperluan sesebuah negara. Jika sesebuah negara tidak memiliki kecerundangan rakyat seperti itu, atau hanya sebahagian sahaja, cita-cita unggul di atas tidak mungkin tercapai. Dalam zaman moden ini pun umpamanya, Negara Jepun dan Korea sekadar dua contoh, turut maju dan berdiri sama tinggi dengan negara maju yang lain di dunia ini (tanpa bincang ideologi mereka di sini). Dan kelihatan ada pula negara-negara yang kuantiti rakyatnya cukup besar, hasil buminya wujud di sana-sini, tetapi akibat ketiadaan kualiti dan kemahiran rakyat maka, negara-negara berkenaan didapati mundur atau lambat membangun. Maka penelitian al-Farabi ini sangat realistik. Asas pemikiran beliau di sini menunjukkan bahawa antara kriteria baik lagi ialah mengujudkan komposisi rakyat yang memiliki kualiti intelektual dan profesional dan semuanya bekerja untuk kemajuan negara.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, ada dua jenis negara menurut al-Farabi berkesan dalam kehidupan sesuatu ummah. (a) Negara Terbaik dan (b) Negara yang bertentangan dengan Negara Terbaik. Pengkelasan kepada baik dan tidak ini tidaklah bergantung kepada soal saiz besar, kecil negara dan juga tidak didasarkan kepada banyaknya hasil mahsul pelbagai jenis. Kriteria ini tidak dipandang sebagai begitu penting dalam falsafah politiknya. Tetapi apa yang beliau amat tekankan ialah persoalan ideologi yang betul bagi ummah, kriteria akhlak, sifat-sifat baik dalam konteks kerjasama sosial dan pekerjaan, kualiti kepemimpinan dan seumpamanya.

RUJUKAN

- Ahmad, H. Zainal Abidin, 1968, *Negara Utama* (Madinatul Fadilah), Teori Kenegaraan dari Sarjana Islam al-Farabi (Komentaran dan Perbandingan), Djakarta, P T Kinta.
- Amin, Othman. 1945, *Sakhsiyah wa Mazahib Falsafah Qahirah*: Dar Ihya al-Kutub al-^cArabiyyah.
- De Boer. 1967, *The History of Philosophy in Islam*, (Tr. oleh Edward R. Jones New York, Dover Publications.
- al-Farabi, Abu Nasr 1968, *Ara' Ahl al-Madinat al-Fadilah*, edit oleh Albert Nasri Nadir, Beirut: Dar al-Mashriq.
- al-Farabi, Abu Nasr. t.t., *al-Siyasat al-Madaniyyah*, edit oleh Dr. Fauzi Mitri Najjar, Beirut; al-Matba^cah al-Kathulikiyah.
- Hanna al-Fakhuri et al 1963, *Tarikh al-Falsafah al-^cArabiyyah, Beirut: Muassasah I, Badran wa Shurakah.*
- Ibn Abi Usaybi^cah, 1965, *Uyun al-Anba' fi Tabaqat al-Attibba'*, Syarah dan Tahqiq oleh Dr. Sazar Rida, Beirut.
- Idris Zakaria, 1968. *Teori Kenegaraan al-Farabi*, Bangi, UKM.
- Madkur, Ibrahim, "al-Farabi" dalam M.M. Sharif 1963, *A History of Muslim Philosophy*, 2 vols., German Otto Harrassowitz, Wiesbaden.
- Mahmud, ^cAbbas, 1944, *al-Farabi* Qahirah: Dar Ihya al-Kutub al-^cArabiyyah Isa al-Babi al-Halabi.
- Rosenthal, E.I.J, 1968, *Political Thought in Medieval Islam: An Introductory Outline*, Cambridge at the Univ. Press.
- Saliba, Jamil, 1973, *Tarikh al-Falsafah al-^cArabiyyah, Beirut; Dar al-Kutub al-Lubnani, cet. ketiga.*
- Sharif, M.M. 1959, *Muslim Thought; His Origin and Achievements*, Lahore, SH. Muhammad Ashraf.
- Sheikh, M. Saeed. 1982, *Islamic Philosophy*; The Octagon Press London.
- Wafi, 'Ali Abd. al-Wahid, "Ara' Ahl al-Madinat al-Fadilah Li al-Farabi", dalam *Turath al-Insani*, July 1964, jilid 2.
- Walzer, Richard, 1963, *Greek Into Arabic: Essays on Islamic Philosophy*, London: Oxford, cetakan kedua.

Zaid, Said. t.t., *al-Farabi*, Qahirah, Misr, cet. kedua, Dar al-Ma'arif.

Jabatan Usuluddin dan Falsafah
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor Darul Ehsan.

